

SEGERA

Rujukan: USM 86/15 Jld. XXIII

Tarikh : 12 Julai 2017

Semua Dekan dan Pengarah
Pusat Pengajian/Pusat/Institut
Kampus Induk/Kejuruteraan/Kesihatan

Bangunan Canselori
(Chancellory Building)
11800 USM
Pulau Pinang, Malaysia
Tel : 04-6533888
www.usm.my

**HEBAHAN PENDAFTAR BIL. 31/2017 : DAFTAR PEMILIH UNTUK PEMILIHAN PROFESOR
SEBAGAI AHLI SENAT USM TAHUN 2017 – 2020**

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Seperti YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan sedia maklum, Perlembagaan baharu USM telah diwartakan berkuatkuasa pada 1 Julai 2017. Sehubungan ini, tertakhluk kepada kuasa-kuasa yang telah diperuntukkan dalam Perlembagaan, Bahagian IV - Seksyen 24 (1) komposisi ahli Senat adalah terdiri daripada:-

- a) *Naib Canselor, yang hendaklah menjadi Pengerusi;*
- b) *Semua Timbalan Naib Canselor;*
- c) *Semua Dekan Fakulti atau Pusat Pengajian dan semua ketua Kampus Cawangan, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi Universiti;*
- d) *Profesor sepenuh masa yang jumlah hendaklah bersama dengan jumlah Dekan dan ketua di bawah perenggan (c), dipilih bagi tempoh tiga tahun oleh semua profesor dan profesor madya sepenuh masa Universiti mengikut subseksyen (12); dan*
- e) *Tidak lebih daripada lima orang daripada Universiti yang hendaklah dilantik oleh Naib Canselor selama tiga tahun.*

Manakala subseksyen (12) berbunyi seperti berikut:-

Bagi tujuan pemilihan ke Senat di bawah perenggan 24(1)(d), Naib Canselor boleh, dari semasa ke semasa, mewujudkan kelompok akademik, menetapkan mana-mana Fakulti, Pusat Pengajian, Institut, Pusat Akademik, Pusat Penyelidikan dan Akademi kepada kelompok tertentu dan memperuntukkan jumlah kerusi Senat dan dipegang oleh setiap kelompok.


3. Dalam hal ini, tempoh lantikan profesor sebagai ahli senat bagi tahun 2014-2017 akan berakhir pada 14 Ogos 2017. Sehubungan ini pihak PTJ diminta untuk menyemak dan mengesahkan senarai nama staf akademik berjawatan Profesor dan Profesor Madya di PTJ masing-masing untuk tujuan daftar pemilihan. Senarai ini adalah berdasarkan rekod Sistem Maklumat Universiti - Staf (SMU-S).

4. Semakan boleh dibuat melalui sistem e-undi (<http://eundi.usm.my>) yang akan dibuka kepada semua Dekan/Pengarah dan Setiausaha Majlis mulai 13 Julai 2017 (Khamis) sehingga 17 Julai 2017 (Isnin). Daftar masuk dan kata laluan adalah menggunakan *Single Sign-On* rasmi USM. Bagi tujuan ini, satu taklimat akan diadakan pada 13 Julai 2017 (Khamis) jam 9.00 pagi bertempat di Dewan Persidangan Universiti.

5. Senarai yang telah disahkan oleh PTJ ini akan digunapakai oleh Jawatankuasa Pemilihan bagi urusan kelayakan pemilihan. Kerjasama YBhg. Datuk/Dato'/tuan/puan dipohon untuk menyampaikan maklum balas dan pengesahan sebelum atau selewat-lewatnya pada 17 Julai 2017, Isnin.

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'
'Memastikan Kelestarian Hari Esok'



[PROFESOR DATO' DR. ABD AZIZ TAJUDDIN]
Pendaftar

s.k.

Naib Canselor
Universiti Sains Malaysia

Timbalan Pendaftar Kanan / Timbalan Pendaftar / Ketua Penolong Pendaftar
Kampus Kesihatan / Kampus Kejuruteraan / Institut Perubatan Pergigian Termaju

Semua Setiausaha Majlis
Pusat Pengajian/ Pusat/ Institut